

 MediaLiteracyCouncilSG  
www.betterinternet.sg



Organised by:



Supported by:



In association with:



# JAGA DIRI ANDA **BAGAIMANA UNTUK MENGESAN DAN MELAWAN PENIPUAN**



## CARA LUNGSURI TALIAN YANG BETUL

- CIPTA**  
kata laluan yang kuat
- LINDUNGİ**  
maklumat peribadi
- BUAT PENGESAHAN**  
sebelum tekan klik

 **CHECK  
Please!**  
Be Safe. Be Smart. Be Kind.



**Sebelum anda percaya atau tekan klik,  
TOLONG PERIKSA  
DAHULU!**

Berikut ialah senarai semak 6 tip supaya anda sentiasa selamat semasa menggunakan internet.

**01 SENTIASA BERWASPADA**

Ambil masa untuk memahami jenis-jenis penipuan yang memberikan kesan kepada anda. Ambil langkah berjaga-jaga supaya anda mengetahuinya serta dapat mengelakkannya.

**02 CIPTA KATA LALUAN YANG KUAT**

Pastikan panjang kata laluan anda sekurang-kurangnya lapan aksara, dan ini termasuklah nombor, aksara istimewa, dan campuran huruf kecil dan huruf besar. Anda juga sepatutnya menukar kata laluan anda dengan kerap.

**03 PASTIKAN MAKLUMAT PERIBADI  
ANDA SELAMAT**

Sebelum anda berkongsi maklumat peribadi (seperti alamat, tarikh lahir, nombor telefon), pastikan anda berada dalam laman sesawang yang dipercayai atau berurusan dengan orang yang anda kenal dan percaya.

**04 KAWAL TETAPAN PERIBADI**  
**05 SAHKAN PAUTAN  
SEBELUM TEKAN KLIK**

Halakan tetikus anda pada pautan untuk memeriksa sumber sebelum tekan klik. Ia boleh membawa ke laman sesawang yang akan menjangkiti alat elektronik anda dengan perisian yang berbahaya.

**06 ABAIKAN DAN SEKAT PENGHANTAR  
TANPA NAMA**

Elakkan membala e-mel tanpa nama melainkan anda dapat mengesahkan identiti penghantar. Jika mereka mendakwa mereka penjawat awam, periksa alamat e-mel di ruang "daripada" kerana semua alamat e-mel penjawat awam berakhir dengan "gov.sg"

